

**MAJLIS JAMUAN MAKAN TENGAH HARI  
SEMPENA  
PROGRAM SEHARI BERSAMA PEMIMPIN MASYARAKAT  
DUN AYER HITAM BERSAMA UniMAP**

**Teks Ucapan**

***Y.Bhg. BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN  
HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 26 Julai 2010, di Dewan Serbaguna, Kubang Gajah.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Yang Berbahagia Prof. Dr Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berusaha En Hirwan Jasbir Jaafar, Penyelaras Unit  
Kajian Strategik merangkap Pengerusi Program Sehari  
Bersama Pemimpin Masyarakat Dun Bintong Bersama  
UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

seterusnya pemimpin-pemimpin masyarakat serta warga DUN Ayer Hitam yang sudi hadir pada program tengah hari ini. Terima kasih saya ucapkan.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan pada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat dariNya maka dapat juga kita – pemimpin masyarakat dan pihak pentadbir Universiti Malaysia Perlis untuk sama berhimpun dalam satu program yang saya kira bakal membawa manfaat kepada universiti amnya dan Perlis khasnya.

Hadirin sekalian,

Terlebih dahulu, sekalung penghargaan dan tahniah buat jawatankuasa yang terlibat dibawah kendalian Unit Kajian Strategik dalam memastikan kelansungan dan kelancaran program pada hari ini. Semoga segala usaha dan matlamat penganjuran Program ini akan tercapai sekali gus memberikan manfaat yang cukup besar untuk kita semua.

Pertama sekali saya amat berbesar hati dan berterima kasih atas kesudian warga Ayer Hitam yang sudi hadir ke UniMAP dan secara tidak langsung memberi peluang kepada para pemimpin masyarakat untuk mengenali UniMAP dengan lebih dekat lagi.

Program Sehari Bersama Pemimpin Masyarakat ini merupakan program yang ketiga dianjurkan oleh pihak UniMAP dimana pada Ogos 2009 lalu, kita turut mengadakan program yang sebegini yang melibatkan para pemimpin DUN Guar Sanji diikuti Dun Bintong pada bulan Februari.

Namun inilah pertama kalinya kami menerima tetamu dari luar DUN di Perlis dan ia nyata sesuatu yang amat mengembirakan saya. Ternyata, UniMAP bukan sahaja dikenali di Perlis, malah turut dikenali di negeri jiran iaitu kedah.

Dan dengan sambutan yang menggalakkan dari semua golongan pemimpin saya percaya program ini perlu diteruskan termasuk memperluaskannya kepada lain-lain DUN di negeri Kedah dan Perlis ini.

Matlamat kita adalah sama iaitu memperkenalkan UniMAP kepada orang ramai. Saya percaya ramai yang mengetahui

kewujudan UniMAP di Perlis namun masih ada yang tertanya-tanya apakah peranan UniMAP sebenarnya. Menyedari akan kepentingan itu, program ini dirangka untuk mendekatkan lagi hubungan UniMAP dengan penduduk setempat.

Hadirin sekalian,

UniMAP dan Kerajaan Perlis TERBUKTI telah mempunyai jalinan hubungan yang cukup erat. Bolehlah saya tafsirkan di sini, hubungan itu umpama air yang dicincang tetapi tidak akan terputus. Maka atas sebab itulah, UniMAP melalui saranan DYTm Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah menubuhkan satu unit khas iaitu Unit Kajian Strategik khusus untuk membantu Kerajaan negeri Perlis dalam merangka Pelan Strategik Perlis Maju 2015.

Namun, kali ini saya kira, UniMAP perlu menjalinkan hubungan yang lebih erat pula dengan kerajaan negeri Kedah. Kita ketepikan aspek politik, tetapi apa yang lebih penting sekarang ialah untuk menjana pertumbuhan ekonomi melalui kepakaran dan meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan masyarakat negeri Kedah dan Perlis, malah memantapkan modal insan yang seimbang dalam aspek kesedaran politik dan sosioekonomi.

Saya kira tidak salah jika kita terus berusaha melakukan pembangunan demi kesejahteraan negeri meskipun kita bukanlah akan hidup menongkat langit dan bumi untuk merasai hasilnya.

Apa yang lebih utama ialah, memastikan generasi akan datang terutama generasi muda di Kedah dan Perlis akan dapat meneruskan kecemerlangan pembangunan di negeri ini sekali gus memastikan ia berterusan sehingga ke generasi berikutnya. Insya Allah.

Hadirin sekalian,

UniMAP sebelum ini dikenali sebagai KUKUM iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, ditubuhkan pada Mei 2001 dan kemudian bertukar nama kepada UniMAP iaitu Universiti Malaysia Perlis pada 1 Februari 2007. Dan pada 2 November 2009, satu lagi detik bersejarah telah tercatat dalam diari UniMAP apabila Kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh telah mula beroperasi dengan menempatkan dua pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Pembuatan dan Mekatronik.

Dan sebentar tadi, sekumpulan lagi pelajar pengambilan kedua sekitar 800 orang mendaftar di UniMAP. Ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan taraf ekonomi

penduduk setempat dan juga Perlis amnya terutamanya dalam sektor perniagaan, pekerjaan dan pendidikan.

Kini setelah berusia lebih lapan tahun, UniMAP bagaikan tidak boleh dipisahkan dengan pembangunan negeri Perlis. Hampir keseluruhan Perlis telah diliputi oleh UniMAP kerana UniMAP mengamalkan konsep Kampus Teragih dan UniMAP kini berada di lebih 20 lokasi di serata Perlis. Tuan-tuan dan puan-puan sendiri pun dapat melihat di sana sini papan tanda yang menunjukkan UniMAP.

Sejajar dengan pembangunan itu, UniMAP kini telah mempunyai 8 pusat pengajian kejuruteraan, satu pusat pengajian Perniagaan dan Keusahawanan, 2 institut iaitu Institut Kejuruteraan Matematik dan Institut Kejuruteraan Nano Elektronik serta 7 pusat pemantapan akademik antaranya Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Pusat Kerjasama Industri, Pusat Kejuruteraan dan lain-lain lagi.

UniMAP telah menawarkan 22 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan termasuk pada pengambilan pelajar Julai 2009 yang lalu terdapat pertambahan tiga program baru iaitu Ijazah Kejuruteraan Rangkaian Komputer, Ijazah Kejuruteraan Keusahawanan dan Ijazah Perniagaan

Antarabangsa. UniMAP juga menawarkan 6 program diploma selain 12 ijazah sarjana dan 8 Doktor Falsafah (PhD).

Hadirin sekalian,

Apa yang membanggakan mengenai UniMAP ini adalah kemudahan fasiliti yang lengkap. Walaupun tanpa kampus tetap, UniMAP mempunyai 121 makmal mengajar dan penyelidikan serta 43 ruang mengajar di serata negeri Perlis. Dari segi kakitangan pula, UniMAP mempunyai 1,563 orang kakitangan yang terdiri daripada kumpulan akademik dan sokongan. Bagi kumpulan akademik adalah seramai 589 orang iaitu terdiri daripada tenaga pengajar dan kita juga mempunyai 26 orang profesor. Sementara itu, bagi kumpulan sokongan (Tetap, Kontrak, Sambilan dan Kunjungan), UniMAP mempunyai 974 orang.

Daripada keseluruhan kakitangan UniMAP sebanyak 40.6% terdiri daripada anak-anak Perlis dengan 10.1% adalah dari kumpulan akademik dan 30.5% dari kumpulan sokongan. Saya yakin dengan perjawatan yang diberikan ini, kehidupan sosial rakyat Perlis selepas kewujudan UniMAP telah berubah dan lebih terjamin. Saya juga berharap agar lebih ramai lagi rakyat Perlis yang berkelulusan tinggi seperti memperolehi PhD akan mengisi perjawatan di universiti ini.

Dari segi graduan, UniMAP berjaya melahirkan graduan yang berjaya menembusi pasaran pekerjaan bermula dari tahun 2006 dengan 100% mendapat pekerjaan, kemudian pada tahun 2007 dengan 96% pada tahun 2008 sebanyak 77% manakala pada tahun lepas (2009) adalah sebanyak 81% yang berjaya memperolehi pekerjaan dalam pelbagai sektor sama ada di sektor awam dan industri, multinational atau syarikat korporat. Kejayaan ini secara tidak langsung membuktikan graduan kelahiran UniMAP adalah menepati kehendak pasaran walaupun dalam kemelut kegawatan ekonomi ini.

UniMAP juga telah mempunyai lebih 5570 pelajar Ijazah dan lebih 1150 pelajar Diploma serta 265 Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Saya yakin menjelang 2011, InsyaAllah kita akan menerima kemasukan pelajar baru seramai 10,000 orang.

Setiap kali pengambilan pelajar baru, saya dapati jumlah pelajar yang memilih UniMAP adalah sentiasa meningkat. Ini membuktikan keyakinan masyarakat terhadap UniMAP juga semakin meningkat. Oleh itu, kami pemegang amanah untuk mendidik anak bangsa tidak akan sesekali mensia-siakan kepercayaan yang diberikan ini.



Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Pada tahun lalu juga lanskap pengajian UniMAP telah berubah setelah menerima kemasukan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara, dimana pada Julai 2009 lalu seramai 26 pelajar dari China, 31 dari Yemen, enam dari Indonesia, Seorang dari Sudan dan seorang dari Mauritius telah mendaftaf sebagai pelajar Undergraduate.

Manakala pada November 2009 lalu, kita baru menerima kemasukan para pelajar dari China sebanyak 25 orang, Indonesia 10 orang, Seorang dari Iraq, sepuluh orang dari Somalia, lapan orang dari Yemen dan masing-masing seorang dari Sudan dan Syria. Kesemua mereka ini mengikuti kursus intensif bahasa inggeris sidang akademik 2009/2010 sebelum melanjutkan pengajian mereka di UniMAP. Ini membuktikan UniMAP bukan sahaja boleh diterima di peringkat Nasional malahan di Persada antarabangsa.

Justeru itu, dengan perubahan lanskap pengajian ini besarlah harapan saya agar masyarakat di Perlis lebih memahami dan tidak terkejut sekiranya melihat golongan pelajar antarabangsa ini di sekitar Perlis. Kehadiran mereka di sini

juga turut merangsang sektor pelancongan dan ekonomi di Perlis.

Walaupun saya bukan berasal dari negeri Perlis, namun saya tahu sumber ekonomi utama Perlis adalah dari sektor pertanian. Menyedari akan kepentingan itu UniMAP menubuhkan Stesen Penyelidikan Agroteknologi di Sungai Chuchoh, Padang Besar. Dengan keluasan 250 hektar, stesen penyelidikan itu turut berperanan untuk menjalankan kajian dan penyelidikan dalam meningkatkan sektor pertanian di Perlis termasuk meningkatkan kualiti dan kuantiti mempelam Harumanis.

Para penyelidik UniMAP juga sedang berusaha untuk menghasilkan proses pertanian yang tidak akan mencemarkan alam sekitar selain membantu meningkatkan kualiti pertanian di negeri ini. Sama-samalah kita berdoa agar hasrat ini berjaya direalisasikan. Sebagai Universiti kejuruteraan yang ditubuhkan di negeri ini, UniMAP juga perlu memainkan peranan aktif dalam memastikan ekosistem Perlis tidak akan terganggu dengan perancangan pembangunan yang telah dibuat.

Sebagai Naib Canselor, apa yang saya inginkan adalah untuk memasyarakatkan UniMAP kerana kewujudan universiti ini di Perlis bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang memiliki modal insan kamil bahkan memastikan pembangunan di

Perlis dalam keadaan selamat dan sihat pada masa sama ia juga bertujuan untuk meningkatkan ekonomi negeri ini selaras dengan hasrat kerajaan, Perlis Maju 2015.

Hadirin sekalian,

Kita semua mempunyai peranan dalam memastikan perancangan dan pembangunan dilaksanakan secara mampan. Pembangunan yang seimbang haruslah tidak menumpukan kepada pembangunan fizikal yang bersifat kebendaan dan luaran sahaja tetapi juga pembangunan insan yang mempertimbangkan faktor-faktor kerohanian dan penghayatan nilai-nilai murni dalam sebarang bentuk dan tindakan pembangunan.

Akhir kata, semoga usaha dan kerjasama antara Kerajaan negeri Perlis dan Kedah serta UniMAP akan terus erat untuk manfaat semua pihak.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.